

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : YB TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
**TARIKH** : 6 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)  
**SOALAN** :

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status pemindahan atau penempatan semula penduduk perkampungan setingan di Pulau Gaya. Bilakah mereka akan ditempatkan semula. Nyatakan bilangan, bangsa dan status warganegara penduduk setingan di Pulau Gaya dan berapa ramai yang akan dihantar balik ke negara asal.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Penempatan semula penduduk dan pembangunan Pulau Gaya akan dapat membantu mengatasi masalah pencemaran alam sekitar selama ini akibat pembuangan sampah dan sisa-sisa buangan domestik yang tidak terurus oleh penduduk di kampung-kampung di persisiran pantai Pulau Gaya dan gejala sosial dan jenayah di Kota Kinabalu.

Survei yang telah dibuat pada tahun 2008 dan 2012 menunjukkan bahawa lebih daripada 75% isi rumah di Pulau Gaya adalah berstatus warganegara dan layak diberikan bantuan-bantuan yang disediakan oleh Kerajaan manakala selebihnya ialah mereka yang mempunyai lain-lain dokumen termasuk status penduduk tetap. Selain daripada itu, termasuk mereka juga yang tiada dokumen tetapi telah menetap lama di pulau berkenaan. Ini menjadi kesukaran untuk menentukan jumlah untuk dihantar pulang ekoran daripada dokumen-dokumen yang pelbagai.

Kerajaan Negeri Sabah telah menubuhkan satu jawatankuasa Pembangunan Bersepadu Pulau Gaya yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri pada tahun 2009 dan jawatankuasa ini telah mengadakan beberapa kali mesyuarat untuk membincangkan penempatan semula penduduk Pulau Gaya dan pembangunan bersepadu Pulau Gaya.

Kerajaan juga telah meluluskan Projek Penempatan Semula Penduduk di Pulau Gaya yang akan dipindahkan ke Kinarut di bawah Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMK10). Di bawah Projek Penempatan Semula Penduduk Pulau Gaya ini, sebanyak 1,480 unit rumah akan dibina untuk menampung penduduk Pulau Gaya dan setinggan terlibat. Skop projek melibatkan pembinaan surau, jalan masuk utama, jalan dalaman, bekalan air, bekalan elektrik dan sistem rawatan kumbahan serta kemudahan pendaratan bot kecil. Projek dijangka siap pada tahun 2015.

Sekian. Terima kasih.